



INVENTORI PERSONALITI SIDEK - IPS 2013

Sidek Personality Inventory

By:

Profesor Dr. Sidek Mohd Noah, KB., PA.

Founder of SP7

Department of Counselor Education & Counseling
Psychology

Faculty of Educational Studies
Universiti Putra Malaysia



Tel.: +603-89468167/8115; +6012-2126312

E-Mail: sideknoah@yahoo.com

PENTADBIRAN IPS

Bilik yang kondusif iaitu tenang dan mempunyai semua kemudahan seperti kerusi, meja, kipas angin atau penghawa dingin.

Walau pun tiada masa khusus yang ditetapkan, umumnya masa yang digunakan untuk menyelesaikan ujian IPS ialah antara **20 hingga 30 minit**.

Individu perlu menjawab ujian ini dengan **jujur dan ikhlas** iaitu menjawab berdasarkan apa yang sebenarnya dan bukan berdasarkan kepada apa yang anda fikirkan baik atau orang kata baik.

Jawapan spontan adalah jawapan yang terbaik.

PANDUAN PENGIRAAN SKOR IPS

- Sila rujuk borang jawapan yang telah ditandakan
- Fokus kepada jawapan Ya sahaja. **Setiap jawapan Ya akan diberi 1 markah.**
- Pengiraan dibuat mengikut baris. Setiap baris mewakili satu tret personaliti. Ada **16 baris mewakili 16 tret personaliti.**
- Setiap baris ada 10 item menjadikan markah mentah maksimum untuk setiap tret personaliti ialah 10.
- Tukar markah mentah kepada peratus dengan mendarabkan skor mentah dengan 10.
- Untuk **skor 0/10 tukar markah kepada 1% dan untuk skor 10/10 tukar kepada 99%.**

PANDUAN MENGIRA SKOR IPS

1	17	33	49	65	81	97	113	129	145	6
2	18	34	50	66	82	98	114	130	146	9
3	19	35	51	67	83	99	115	131	147	8
4	20	36	52	68	84	100	116	132	148	3
5	21	37	53	69	85	101	117	133	149	9
6	22	38	54	70	86	102	118	134	150	10
7	23	39	55	71	87	103	119	135	151	3
8	24	40	56	72	88	104	120	136	152	7
9	25	41	57	73	89	105	121	137	153	8
10	26	42	58	74	90	106	122	138	154	0
11	27	43	59	75	91	107	123	139	155	8
12	28	44	60	76	92	108	124	140	156	9
13	29	45	61	77	93	109	125	141	157	6
14	30	46	62	78	94	110	126	142	158	5
15	31	47	63	79	95	111	127	143	159	8
16	32	48	64	80	96	112	128	144	160	4

PROFIL PERSONALITI

TREK PERSONALITI	KADAR SKOR	PERATUS (%)	1	10	20	30	40	50	60	70	80	90	99
AGRESIF	6	60											
ANALITIKAL	9	90											
AUTONOMI	8	80											
KREATIF	3	30											
EKSTROVERT	9	90											
INTELEKTUAL	10	99											
BERWAWASAN	3	30											
KEPELBAGAIAN	7	70											
KETAHANAN	8	80											
KRITIK-DIRI	0	1											
MENGAWAL	8	80											
MENOLONG	9	90											
SOKONGAN	6	60											
STRUKTUR	5	50											
PENCAPAIAN	8	80											
KEJUJURAN	4	40											

Kesahan Kandungan IPS 2013

Tret Personaliti	Pekali Kesahan Kandungan
Agresif	.90
Analatikal	.90
Autonomi	.90
Kreatif	.90
Ekstrovert	.90
Intelektual	.90
Berwawasan	.87
Kepelbagaian	.83
Ketahanan	.91
Kritik-Diri	.91
Mengawal	.90
Menolong	.81
Sokongan	.87
Struktur	.89
Pencapaian	.90
Kejujuran	.89
Pekali Kesahan Keseluruhan	.89

Pekali Kebolehpercayaan IPS 2013

Tret Personaliti	Pekali Kebolehpercayaan
Agresif	.89
Analatikal	.88
Autonomi	.88
Kreatif	.90
Ekstrovert	.89
Intelektual	.89
Berwawasan	.90
Kepelbagaian	.89
Ketahanan	.88
Kritik-Diri	.90
Mengawal	.91
Menolong	.88
Sokongan	.89
Struktur	.88
Pencapaian	.88
Kejujuran	.91
Pekali Kebolehpercayaan Keseluruhan	.96

SEJARAH IPS

- Inventori Personaliti Sidek (IPS) telah dibangunkan menggunakan **pendekatan rasional oleh Sidek Mohd Noah pada tahun 1987.**
- Instrumen IPS adalah inventori atau ujian psikologi yang boleh digunakan **untuk mengenalpasti ciri-ciri atau tret-tret personaliti** individu.
- Instrumen IPS adalah alat ukuran yang mempunyai **format jawapan berbentuk kategori** atau dwi-pilihan.
- Gerak balas individu kepada item-item yang terkandung dalam instrumen ini dikatakan dapat menerangkan ciri-ciri personaliti individu.

- Alat ukuran **IPS mengandungi 16 skala** yang berkaitan dengan 15 tret personaliti individu: Agresif, Analitikal, Autonomi, Kreatif, Ekstrovet, Intelektual, Berwawasan, Kepelbagaian, Ketahanan, Kritik-diri, Mengawal, Menolong, Sokongan, Struktur, Pencapaian di samping satu skala khas yang dikenali dengan skala Kejujuran.
- Mempunyai **pekali kesahan kandungan bernilai .88** dan **pekali kebolehpercayaan bernilai .96**.
- Digunakan untuk tujuan kaunseling khususnya **kaunseling individu, kelompok dan kerjaya**.

ANDAIAN ASAS PENTAFSIRAN PROFIL IPS

- Tiada personaliti yang gagal dalam ertikata yang sebenar.
- Tiada individu yang personalitinya sempurna.
- Tiada individu yang personalitinya sifar atau kosong.
- Personaliti adalah kualiti intrinsik manusia yang boleh berubah.



PANDUAN PENTAFSIRAN IPS



OPSYEN 1

- 1-30% Rendah
- 40-60% Sederhana
- 70-99% Tinggi

OPSYEN 2

- $< 50\%$ Rendah
- $\geq 50\%$ Tinggi

TRET PERSONALITI YANG DIUKUR ALAT UKURAN IPS

- Agresif
- Analitikal
- Autonomi
- Kreatif
- Ekstrovert
- Intelektual
- Berwawasan
- Kepelbagaian
- Ketahanan
- Kritik-Diri
- Mengawal
- Menolong
- Sokongan
- Struktur
- Pencapaian
- Kejujuran

Skor tinggi (70-99%): Menunjukkan individu adalah seorang yang agresif. Individu yang agresif suka mengkritik orang lain. Bagi individu agresif, dalam kebanyakan hal, hati dan perasaan orang lain bukanlah merupakan tumpuan dan perhatian utamanya, yang penting ialah hajat dan matlamatnya tercapai.

Skor sederhana (40-60%): Menunjukkan individu adalah seorang yang asertif atau tegas diri. Dalam kebanyakan hal, individu selalunya menuntut haknya tetapi pada masa yang sama, hati dan perasaan orang lain dijaga.

Skor rendah (1-30%): Menunjukkan individu adalah seorang yang pasif. Individu yang pasif umumnya tidak berupaya menyatakan atau meluahkan perasaannya kepada orang lain secara langsung. Dalam kebanyakan hal individu pasif banyak menyimpan perasaan dan membenarkan orang memanipulasi diri dan perasaannya.

Skor tinggi (70-99%): Menunjukkan individu adalah seorang yang sensitif kepada persekitaran, suka menganalisis orang lain, diri sendiri mahupun situasi. Individu suka membuat pemerhatian, penyelidikan dan analisis.

Skor sederhana (40-60%): Menunjukkan yang ciri analatikal individu adalah sederhana. Minat individu untuk menganalisis adalah pada tahap sedarhana. Sensitiviti individu terhadap persekitaran adalah ditahap sederhana sahaja.

Skor rendah (1-30%): Menunjukkan individu adalah seorang yang kurang atau tidak berminat dengan perkara-perkara yang memerlukan anda membuat analisis. Individu adalah seorang yang praktikal. Ketika berinteraksi dengan orang lain, individu tidak cuba membaca yang tersirat.

Skor tinggi (70-99%): Menunjukkan individu sukakan kebebasan khususnya daripada individu-individu yang mempunyai autoriti. Individu umumnya suka kebebasan sepenuhnya dalam segala tindakan di samping dapat mengawal dan menentukan sendiri aktiviti-aktiviti sehariannya.

Skor sederhana (40-60%): Menunjukkan individu memiliki ciri-ciri autonomi yang sederhana iaitu tidak terlalu sukakan kebebasan dan tidak terlalu bergantung kepada orang lain.

Skor rendah (1-30%): Menunjukkan individu suka bergantung kepada orang lain. Dalam membuat sesuatu keputusan individu seringkali mengharapkan nasihat, panduan dan tunjukajar daripada orang lain. Individu umumnya lebih suka menerima arahan orang lain serta struktur sosial yang memerlukan keakuran.

Skor tinggi (70-99%): Menunjukkan individu adalah seorang yang kreatif. Individu kreatif boleh bekerja tanpa berhenti tetapi kadang-kadang boleh duduk berehat tanpa melakukan apa-apa. Individu kreatif kadang-kadang sangat berdisiplin tetapi kadang-kadang seperti suka bermain-main dan tidak acuh. Boleh bekerja dalam jangka masa yang panjang dengan penuh tumpuan tetapi masih kelihatan segar dan bertenaga. Dalam sesetengah keadaan individu kreatif akan membebaskan diri daripada peranan gender yang rigid. Individu kelihatan bijak tetapi kadang-kadang seakan-akan tidak tahu apa-apa. Merendah diri tetapi pada masa yang sama berasa bangga. Sering menggunakan apa-apa yang ada di depan mata untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Individu berkebolehan menyesuaikan diri dalam kebanyakan keadaan. Seronok mencipta sesuatu dan mendapat keseronokan dalam proses mencipta.

Skor sederhana (40-60%): Menunjukkan bahawa daya kreatif individu adalah pada tahap sederhana.

Skor rendah (1-30%): Menunjukkan individu adalah seorang yang tidak kreatif. Anda adalah seorang yang tidak kreatif. Individu yang tidak kreatif atau memiliki keupayaan kreatif yang rendah umumnya mengelak daripada melibatkan diri dalam kerja-kerja kreatif. Individu juga selalu terikat dengan sesuatu cara berfikir, bersifat rigid dan kurang berkebolehan menyesuaikan diri. Individu tidak seronok mencipta sesuatu dan tidak merasai keseronokan dalam proses penciptaan tersebut.

EKSTROVERT

Skor tinggi (70-99%): Menunjukkan individu adalah seorang yang sosial, mudah mesra dan mudah membina persahabatan. Individu adalah seorang yang suka berinteraksi serta dikelilingi oleh orang ramai di samping merasa tidak selesa duduk bersendirian.

Skor sederhana (40-60%): Menunjukkan individu mempunyai kedua-dua ciri sosial dan tidak sosial. Umumnya tahap sosial individu adalah sederhana iaitu tidak terlalu ekstrovert dan tidak terlalu introvert.

Skor rendah (1-30%): Menunjukkan individu adalah seorang yang kurang atau tidak sosial. Individu selalunya cuba mengelak untuk berinteraksi dalam kumpulan besar dan lebih selesa berada dalam kumpulan kecil. Individu lebih selesa berada dalam suasana kerja bersendirian atau satu-sama-satu.

INTELEKTUAL

Skor tinggi (70-99%): Menunjukkan individu sukakan aktiviti yang mencabar minda atau memberi cabaran daripada segi intelektual. Individu merasa puas dengan aktiviti-aktiviti keilmuan tetapi tidak puas dengan aktiviti-aktiviti yang berulang-ulang.

Skor sederhana (40-60%): Menunjukkan individu memiliki ciri-ciri keintelektualan yang sederhana. Individu umumnya tidak selesa dengan aktiviti yang terlalu bersifat intelek dan praktikal.

Skor rendah (1-30%): Menunjukkan individu tidak berasa selesa dengan perkara-perkara yang bersifat teoritikal. Individu umumnya tidak selesa dengan aktiviti-aktiviti yang mencabar minda. Individu lebih berminat dan selesa dengan kerja-kerja yang berstruktur tinggi, praktikal dan pragmatik. Kerja yang dipilih selalunya adalah kerja-kerja berkemahiran.

BERWAWASAN

Skor tinggi (70-99%): Menunjukkan individu adalah seorang yang berwawasan tinggi. Selalu memikirkan projek seterusnya sebelum projek sedia ada selesai, sentiasa mencari cabaran baharu dan seorang yang berorientasikan keputusan. Mempunyai kebolehan mengurus apa sahaja situasi yang mendatang, selalu menetapkan matlamat dan memberi tekanan untuk mencapainya. Mencapai keputusan yang dikehendaki adalah lebih penting daripada hubungan kemanusiaan. Sering menjadi pencetus inspirasi terhadap orang lain untuk bertindak dan kurang sabar terhadap individu yang tidak mahu bekerja kuat. Mereka menganggap peluang baharu, halangan dan cabaran sebagai sumber motivasi dan sentiasa mencari jalan penyelesaian inovatif kepada masalah yang mendatang.

Skor sederhana (40-60%): Menunjukkan keupayaan berwawasan individu berada di tahap sederhana.

Skor rendah (1-30%): Anda adalah seorang yang kurang berwawasan atau berwawasan rendah. Individu yang berwawasan rendah sering memberikan tumpuan kepada sesuatu kerja sehingga selesai sepenuhnya tanpa mencari peluang dan cabaran baharu. Kurang berorientasikan keputusan dan kurang kebolehan mengurus permasalahan yang mendatang. Tidak selesa dengan peluang baharu, halangan dan cabaran di samping kurang inovatif dalam menyelesaikan sesuatu masalah.

KEPELBAGAIAN

Skor tinggi (70-99%): Menunjukkan individu suka kepada perubahan serta dapat menghayati situasi-situasi yang memberikannya peluang untuk pengalaman-pengalaman baru. Individu bersifat terbuka kepada perkara-perkara baharu. Individu suka kepada perubahan dan suka mencuba sesuatu yang baru. Individu umumnya adalah seorang yang *adventures*.

Skor sederhana (40-60%): Menunjukkan individu memiliki ciri-ciri kepelbagaian yang sederhana.

Skor rendah (1-30%): Menunjukkan individu tidak suka perubahan dan lebih sukakan situasi kerja yang stabil dan selamat. Individu tidak selesa dengan situasi-situasi dan pengalaman-pengalaman baharu. Individu umumnya adalah seorang yang agak tertutup kepada perkara-perkara baharu dan tidak *adventures*.

KETAHANAN

Skor tinggi (70-99%): Menunjukkan individu adalah individu yang mempunyai ketahanan daripada segi mental, fizikal dan emosi. Individu akan menghabiskan semua tugas yang telah dimulakan dan tidak akan berhenti separuh jalan. Individu tidak mudah berputus asa dan sangat bermotivasi dalam melakukan sesuatu.

Skor sederhana (40-60%): Menunjukkan individu memiliki ciri-ciri ketahanan pada tahap sederhana.

Skor rendah (1-30%): Menunjukkan individu kurang atau tiada ketahanan daripada segi mental, fizikal dan emosi. Individu mudah mengenepikan sesuatu jika dirasakan tidak bernilai dan cepat bosan. Individu akan mendapat lebih kepuasan melakukan kerja-kerja kreatif atau kerja-kerja yang berkaitan dengan orang ramai. Individu mudah berputus asa dan kurang bermotivasi dalam melakukan sesuatu.

KRITIK-DIRI

Skor tinggi (70%-99%): Menunjukkan individu yang bermasalah dan tidak stabil daripada segi emosi dan psikologi. Selalu dikaitkan dengan individu yang selalu merasa rendah diri, bimbang, rasa bersalah terhadap apa yang telah dilakukan atau tidak percaya yang dirinya telah mencapai sesuatu dengan jayanya. Individu yang mendapat skor melebihi 60% dikatakan akan mendapat faedah daripada sesi kaunseling, sementara individu yang mendapat skor melebihi 70% dikatakan sangat memerlukan kaunseling.

Skor sederhana (40%-60%): Dikaitkan dengan individu yang stabil daripada segi emosi dan psikologinya. Individu dapat melakukan muhasabah diri dengan baik. Skor 50% adalah skor yang terbaik.

Skor rendah (1%-30%): Individu biasanya menganggap dirinya sentiasa betul dan yang tidak betul ialah orang lain. Individu tidak stabil daripada segi emosi dan psikologi.

MENGAWAL

Skor tinggi (70-99%): Menunjukkan individu yang suka mengawal dan memimpin orang lain. Individu lebih suka memimpin daripada dipimpin atau suka mengawal daripada dikawal. Individu selalunya memilih kerjaya berkaitan dengan kepemimpinan Seperti Pengurus, Pentadbir Awam, Peguam, Pegawai Tentera dan Ahli Politik

Skor sederhana (40-60%): Menunjukkan individu memiliki ciri-ciri mengawal dan memimpin yang sederhana. Individu boleh menjadi pemimpin dan pada masa sama boleh juga menjadi pengikut.

Skor rendah (1-30%): Menunjukkan individu lebih selesa dipimpin daripada memimpin. Individu lebih suka dikawal, diarah dan menjadi pengikut setia. Kerjaya utama yang berkaitan ialah Setiausaha, Pramugari, Akauntan, Ahli Kimia, Ahli Fizik, Ahli Biologi dan lain-lain.

MENOLONG

Skor tinggi (70-99%): Menunjukkan individu sangat suka menolong dan memberi pertolongan kepada yang memerlukan. Individu mempunyai keinginan untuk mencurahkan simpati, memberi kasih sayang, bantuan dan membuat kebaikan serta kebajikan kepada orang lain.

Skor sederhana (40-60%): Menunjukkan individu memiliki ciri-ciri menolong yang sederhana.

Skor rendah (1-30%): Menunjukkan individu tidak suka terlibat secara emosi dengan orang lain. Individu kurang keupayaan untuk mencurahkan simpati dan memberi kasih sayang kepada orang lain. Individu lebih menyayangi diri sendiri dan memberi lebih perhatian kepada diri sendiri. Akan memberi pertolongan sekiranya pertolongan yang diberi akan menguntungkan dirinya.

SOKONGAN

Skor tinggi (70-99%): Menunjukkan individu mempunyai keinginan yang tinggi untuk dikasihi, difahami dan diberi simpati. Skor tinggi ini jika berkombinasi dengan skor rendah untuk tret personaliti Menolong memperlihatkan individu adalah seorang yang sangat mementingkan diri. Selalu mencari ruang dan peluang agar dirinya dikasihi, difahami dan diberi simpati.

Skor sederhana (40-60%): Menunjukkan ciri-ciri sokongan individu berada pada tahap sederhana.

Skor rendah (1-30%): Menunjukkan individu adalah seorang yang tidak suka bergantung secara emosi kepada orang lain. Individu tidak mempunyai keinginan yang tinggi untuk dikasihi, difahami dan diberi simpati. Individu umumnya bukan seorang yang sangat mementingkan diri.

STRUKTUR

Skor tinggi (70-99%): Menunjukkan individu adalah seorang yang berstruktur tinggi. Individu menyukai perkara-perkara berstruktur tinggi, rutin dan terperinci. Individu lebih gemarkan aktiviti atau kerja-kerja yang memerlukan kekemasan, peraturan, ketelitian dan berulang-ulang. Skor terlalu tinggi dikaitkan dengan 'manusia perfectionist'.

Skor sederhana (40-60%): Menunjukkan ciri-ciri personaliti struktur individu berada pada tahap sederhana.

Skor rendah (1-30%): Menunjukkan individu lebih suka kepada aktiviti-aktiviti yang tidak berstruktur dan tidak berulang-ulang. Individu selalunya kurang mementingkan kekemasan, peraturan, ketelitian. Skor terlalu rendah dikaitkan dengan individu yang membuat kerja lebih kurang atau asal siap.

PENCAPAIAN

Skor tinggi (70-99%) menunjukkan individu mempunyai motivasi pencapaian yang tinggi. Individu sangat bermotivasi tinggi, mempunyai matlamat yang besar dan suka bersaing dengan orang lain dalam mencapai sesuatu matlamat. Sangat mementingkan status dan kuasa dalam kehidupan. Individu juga tidak mudah mengaku kalah tetapi sentiasa berusaha untuk mencapai kejayaan.

Skor sederhana (40-60%) menunjukkan individu mempunyai motivasi yang sederhana sahaja di dalam kehidupannya.

Skor rendah (1-30%) menunjukkan individu yang mempunyai motivasi pencapaian yang rendah. Individu umumnya tidak begitu kisah tentang peranan status dan kuasa dalam kerjaya atau kehidupan secara umum. Tidak suka bersaing dengan orang lain dan selalunya tidak memiliki matlamat hidup yang besar.

KEJUJURAN

Skala ini merupakan skala validiti dan telah dimasukkan ke dalam instrumen IPS pada tahun 1998. Skala ini adalah skala khusus yang dimasukkan ke dalam ujian IPS bertujuan untuk mengesan kejujuran individu semasa menjawab atau memberi respon kepada item ujian dan dikenali juga sebagai skala Penipuan.

Skor $\geq$ 50%: Menunjukkan individu mempunyai kecenderungan untuk tidak jujur dalam memberikan jawapan atau respon kepada item-item yang terkandung dalam ujian. Sehubungan itu profil yang diperolehi daripada ujian ini adalah tidak boleh dipercayai. Individu adalah seorang yang kurang jujur.

Skor $<$ 50%: Memperlihatkan individu jujur dalam memberikan jawapan atau respon kepada item-item yang terkandung dalam ujian. Dengan itu profil yang diperolehi daripada ujian ini adalah sah dan boleh dipercayai. Individu adalah seorang yang jujur.

Penentuan Tahap Keselarasan Personaliti

SEKIAN SAHAJA

TERIMA KASIH

Website: <http://smnpsychologicaltest.com>
E-mail: info@smnpsychologicaltest.com
sideknoah@yahoo.com